

## **BANTUAN PERUBATAN**

### **OBJEKTIF**

Membantu meringankan bebanan pesakit yang menghadapi penyakit kronik atau mereka yang memerlukan kos perubatan seperti rawatan sakit buah pinggang, kanser, pembedahan dan sebagainya.

### **KEKERAPAN**

Kadar bantuan diberi sekali sahaja.

### **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

1. Penduduk Islam Sarawak atau warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak sahaja.
2. Pesakit yang telah dirujuk oleh pihak Hospital Kerajaan, Hospital Swasta atau Klinik Kesihatan Kerajaan untuk menjalani rawatan perubatan selanjutnya dengan mengemukakan Borang Akuan/Pengesahan Perubatan atau surat keterangan pengesahan perubatan daripada pihak Hospital Kerajaan, Hospital Swasta atau Klinik Kesihatan Kerajaan.
3. Kos perubatan/rawatan yang ditanggung oleh pemohon.
4. Permohonan dan dokumen hendaklah dihantar ke Tabung Baitulmal Sarawak dalam tempoh 90 hari (termasuk cuti Sabtu, Ahad dan Cuti Umum) dari tarikh rawatan.

### **DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (YANG BERKAITAN)**

1. Dokumen asas.
2. Borang Akuan/Pengesahan Perubatan atau surat pengesahan daripada Hospital Kerajaan, Hospital Swasta atau Klinik Kesihatan Kerajaan.
3. Salinan Kad/Surat temujanji rawatan.
4. Bil perubatan.
5. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Pembayaran Melalui Akaun Pihak Ketiga.